



LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA

IKLAN: PELAWAAN PERMOHONAN PAJAKAN TANAH INDUSTRI DI KAWASAN PERINDUSTRIAN BANDAR PENAWAR, MUKIM TANJUNG SURAT, KOTA TINGGI, JOHOR.

1.0 MAKLUMAT AM

1.1 Maklumat berkenaan tanah industri yang ditawarkan adalah sebagaimana berikut:

LOKASI	NO. LOT	KELUASAN (EKAR)	TEMPOH PAJAKAN (TAHUN)
Kawasan Perindustrian Bandar Penawar, Mukim Tanjung Surat, Kota Tinggi, Johor	PTB 1488	0.59	30
	PTB 1489	0.59	30
	PTB 1498	0.59	30
	PTB 1499	0.59	30

1.2 Lokasi adalah sebagaimana ditunjukkan di dalam lingkungan warna 'merah' pada pelan lokasi.

2.0 SYARAT-SYARAT

- 2.1 Pemohon hendaklah terdiri daripada Syarikat Sendirian Berhad atau Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, dengan modal berbayar sekurang-kurangnya **RM100,000.00** yang dibuktikan melalui Borang 24, Akta Syarikat 1965.
- 2.2 Tempoh pajakan industri yang ditawarkan adalah selama **tiga puluh (30) tahun**;
- 2.3 Pemohon yang berminat adalah dipelawa untuk memajak sama ada **keseluruhan lot** atau **mengikut pecahan lot** yang telah disenaraikan.
- 2.4 Jenis perusahaan yang dibenarkan adalah perusahaan ringan untuk tujuan **perusahaan 'garment'** dan **kegunaan lain yang berkaitan dengannya**.
- 2.5 Bayaran cukai tanah perlu dijelaskan oleh pihak syarikat di Pejabat Tanah Daerah Kecil Pengerang, Johor atau pembayaran boleh dibuat

secara On-Line (Sila layari JOHOR E-PAYMENT PORTAL), tunai, kad kredit / debit tempatan, cek, bank deraf, kiriman wang atau wang pos keatas nama **PENTADBIR TANAH** (di mana pembayaran dibuat) sebelum 31 Mei setiap tahun bermula dari pendaftaran hakmilik diperolehi;

- 2.6 Lain-lain Bayaran iaitu bagi kos 'endorsan' dan perjanjian pajakan adalah perlu ditanggung oleh pihak syarikat;
- 2.7 Pemajak **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyewakan atau memajak kecil kepada pihak lain.
- 2.8 Pihak syarikat akan mengambil pekerja-pekerja rakyat Malaysia daripada peringkat eksekutif dan teknikal kepada peringkat pengurusan dan harus memastikan minimum 20% dari jawatan-jawatan yang ada dipenuhi oleh Bumiputera dan gaji serta lain-lain ganjaran yang dibayar atau disediakan hendaklah sama bagi tiap-tiap peringkat jawatan tidak mengira rupa bangsa.
- 2.9 Pegangan saham syarikat mestilah dikekalkan pada kadar 51% pemilikan Bumiputera.
- 2.10 Pihak syarikat **TIDAK DIBENARKAN** untuk memindahmilik atau menjual atau menukar pegangan saham atau ekuiti syarikat kepada mana-mana pihak **tanpa mendapat kebenaran** bertulis daripada KEJORA terlebih dahulu. Pelanggaran kepada syarat ini membolehkan tawaran pajakan tanah ini dibatalkan.

3.0 BAYARAN-BAYARAN

- 3.1 Kadar bayaran pajakan tanah yang dipelawa adalah sepertimana berikut:

BIL.	NO. LOT	KELUASAN (EKAR)	BAYARAN PAJAKAN (RM)
1.	PTB 1488	0.59	406,066.32
2.	PTB 1489	0.59	406,066.32
3.	PTB 1498	0.59	406,066.32
4.	PTB 1499	0.59	406,066.32

Nota: KEJORA tidak akan memulangkan bayaran pajakan yang telah dibayar atau lain-lain bayaran yang telah dijelaskan sekiranya tanah tersebut ditarik balik, tawaran dibatalkan atau perjanjian ditamatkan akibat daripada kegagalan pihak syarikat melaksanakan atau mematuhi mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam perjanjian yang ditandatangani di antara KEJORA dan syarikat.

- 3.2 Wang proses permohonan bernilai **RM100.00** hendaklah dibayar di Kaunter Kewangan KEJORA bagi setiap permohonan.

4.0 PERMOHONAN

4.1 Permohonan adalah perlu dikemukakan melalui Borang Permohonan yang boleh diperolehi melalui kaedah berikut:

- i. Muat turun Borang Permohonan daripada laman web KEJORA: www.kejora.gov.my; **ATAU**
- ii. Dapatkan Borang Permohonan di alamat berikut:

**Unit Pelaburan
Ibu Pejabat KEJORA
Jalan Dato' Hj Hassan Yunus
81930 Bandar Penawar,
Johor Darul Takzim
No. Tel. : 07-8843000**

4.2 Dokumen-dokumen lain yang perlu disertakan bersama-sama Borang Permohonan adalah sebagaimana di **LAMPIRAN A** dan diserahkan kembali kepada alamat di atas.

4.3 Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 April 2023 (Ahad) jam 12.00 tengah hari**.

Sekian, terima kasih.

Ketua Unit Pelaburan
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
b.p. Pengurus Besar KEJORA

Tarikh iklan : 30 Mac 2023